



# Kekalkkan warisan budaya

**RADIN AZHAR AHMAD**

**KUCHING, Jumaat** — Khazanah cerita rakyat yang terdapat di negeri ini perlu dibukukan sebagai usaha mengekalkan warisan tersebut untuk tatapan generasi akan datang.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Dato Sri Haji Adenan Haji Satem berkata, walaupun cerita-cerita tersebut dianggap sebagai "cerita dongeng" namun ia mencerminkan kekayaan budaya di negeri ini.

"Ini menunjukkan negeri Sarawak yang berbilang kaum ini penuh dan kaya dengan berbagai-bagai cerita rakyat. Cerita rakyat di sini juga dipanggil "cerita dongeng" yang mencerminkan serba sedikit kekayaan budaya yang terdapat di negeri kita," katanya berucap di Majlis Pelancaran Rasmi Buku Cerita Rakyat di Dewan Suarah, di sini hari ini.

Naib Canselor Univer-

siti Malaysia Sarawak (Unimas), Profesor Yusuf Hadi dan Ketua Majlis Adat Istiadat Sarawak, Encik Nillie Tangai turut hadir.

Tiga buah buku yang diusahakan oleh Majlis Adat Istiadat Sarawak dan Pengajian Dayak Unimas ialah "King Siliman and Other Bidayuh Folk Tales" dalam bahasa Inggeris dan Bidayuh yang dikumpul dan diterjemah oleh Sulis Ridu, Ritikoas dan Jonas Noeb, "Suket: Penan Folk Stories" (bahasa Inggeris dan Penan) dikumpul dan terjemahan Jayl Langub dan "Apai Aloï Becomes a Shaman and Other Iban Comic Tales" (bahasa Inggeris dan Iban) yang dikumpul dan terjemahan oleh Clifford Sather.

"Saya mengucapkan tahniah dan syabas khususnya kepada Majlis Adat Istiadat Sarawak dan badan-badan lain bersama-sama mereka merakamkan semua ini (cerita rakyat) supaya dapat

menjadi warisan yang tetap kekal untuk generasi yang akan datang," katanya.

Pembukuan cerita rakyat katanya, adalah perlu diusahakan ekoran kepepatan budaya yang pelbagai hari ini yang mampu meluputkan warisan tersebut.

"Ini juga kekayaan khazanah kita. Dan, apa yang telah dilaksanakan ini memberi inspirasi kepada saya sebagai Pengerusi Yayasan Budaya Melayu Sarawak untuk membukukan cerita rakyat di kalangan orang Melayu yang juga seperti ini.

"Kemungkinan semua ini perlu dirakamkan dengan buku. Tahniah kepada badan-badan yang berkenaan kerana merakamkan ini ke dalam buku yang menunjukkan warisan kita yang begitu kaya. Jadi kita harap generasi akan datang bukan sahaja mengejar sains dan teknologi, tetapi juga mengutamakan budaya mereka selama ini," katanya.

Sementara itu, Profesor Yusuf Hadi yang turut berucap menjelaskan bahawa usaha pembukuan cerita rakyat itu diusahakan di bawah Kerusi Pengajian Dayak yang ditubuhkan di Unimas di bawah Institut Kajian Asia Timur untuk menjalankan program penyelidikan mengenai dua lagi kelompok etnik utama di Sarawak iaitu Kerusi Kajian Nusantara meneraju kajian mengenai kaum Melayu-Melanau dan Kerusi Kajian Cina Borneo yang menyelaras mengenai kaum Cina di Pulau Borneo.

Lima kerusi penyelidikan lain yang turut diwujudkan di Unimas ialah Kerusi Tun Zaidi sumbangan Kerajaan Negeri Sarawak yang menyelaras kajian kimia perubatan dan produk asli, Kerusi Tun Openg (sumbangan Kerajaan Negeri Sarawak yang menyelaras kajian mengenai teknologi sagu), Kerusi Shell (sumbangan Sarawak Shell Berhad un-



**KHAZANAH...**Dato Sri Haji Adenan Haji Satem menunjukkan kandungan salah sebuah buku cerita rakyat yang dilancarkan semalam sambil disaksikan oleh Profesor Yusuf Hadi dan Encik Nillie Tangai.

tuk menyelaras kajian alam sekitar), Kerusi Sapura (sumbangan Sapura

Holdings untuk menyelaras kajian teknologi maklumat) dan Kerusi P.

Ramlee (sumbangan Petronas untuk menyelaras kajian seni persembahan).

-T.H. LU